



## SIARAN AKHBAR JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

### POS KAWALAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

**Sabtu, 20 Syawal 1443 / 21 Mei 2022** – Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan mengenai kejadian yang melibatkan beberapa kenderaan komersial beratur panjang di Pos Kawalan Kuala Lurah pada hari Jumaat, 20hb Mei 2022.

Sehubungan itu, JPD ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang telah dialami oleh orang ramai yang berurusan dengan JPD pada hari tersebut. Dalam pada itu, JPD ingin memaklumkan bahawa tindakan segera telahpun diambil bagi memastikan perkara seumpamanya tidak akan berulang lagi.

Dalam hal yang berkaitan, JPD sukacita ingin mengongsikan waktu operasi bagi Pos-Pos Kawalan JPD seperti berikut:

Pos Kawalan	: Kuala Lurah, Sungai Tujoh, Labu dan Ujung Jalan
Tempoh Waktu Masuk	: 06.00 pagi hingga 06.00 petang
Waktu Terakhir Keluar	: 03.00 petang

Di kesempatan ini, JPD ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama dan maklumbalas yang telah diberikan. Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui talian 2451980 atau 7181641 (WhatsApp), Talian Darussalam 123, atau emel ke [info\\_ltd@jpd.gov.bn](mailto:info_ltd@jpd.gov.bn). Orang ramai boleh juga melayari laman sesawang [www.jpd.gov.bn](http://www.jpd.gov.bn) dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) bagi maklumat lanjut.